



KENYATAAN SEBUTHARGA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

- a) Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang beralamat **di dalam Daerah Gombak** serta berdaftar dengan Majlis Perbandaran Selayang (MPS), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB) dalam Gred Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut :-

BIL	NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK	GRED & PENGKHUSUSAN	TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK (WAJIB)	HARGA (RM)	TARIKH JUAL DAN TUTUP
1.	MPS/SH/157/16	Cadangan Pelantikan Kontraktor Panel Bagi Kerja-Kerja Penyelenggaraan Saliran Dan Perabot Jalan Di Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE01 , CE21 & CE34	-	80.00	07/11/2016 hingga 14/11/2016
2.	MPS/SH/215/16	Cadangan Membina Tempat Letak Kereta Menggunakan (Crusher Run) Di Taman Jasa Perwira (Berhampiran IWK), Jalan Sungai Tua, Batu Caves, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah Gred G1 Kategori CE Pengkhususan CE21	-	80.00	07/11/2016 hingga 14/11/2016
3.	MPS/SH/216/16	Cadangan Kerja-Kerja Membaikpulih Termasuk Kerja-Kerja Lain Yang Berkaitan Di Blok Pentadbiran Di Hutan Rimba Bukit Lagong, Mukim Batu, Daerah Gombak, Selangor Darul Ehsan	Berdaftar Dengan CIDB Memegang Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera Yang Masih Sah Gred G1 Kategori CE & B Pengkhususan CE21 & B04	07 November 2016 (Isnin), berkumpul di Lobi Menara MPS pada jam 9.30 pagi. (Hanya penama di dalam lesen / pemilik syarikat sahaja yang dibenarkan hadir)	80.00	07/11/2016 hingga 14/11/2016

- b) Dokumen Sebutharga boleh didapati di Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, dari jam 8.30pagi – 12.45tengahari, 2.15petang – 4.30petang (Isnin– Khamis), 8.30pagi –11.45tengahari, 3.00petang – 4.30petang (Jumaat).
- c) Bayaran dokumen sebutharga akan dikenakan **6% Goods & Services Tax (GST)**. Bayaran boleh dibuat **secara tunai** di Majlis Perbandaran Selayang (bayaran ini tidak akan dikembalikan).
- d) Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada kontraktor atau wakil yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil – wakil kontraktor dikehendaki membawa bersama-sama **Surat Wakil Kuasa**.
- e) Kontraktor yang berminat hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL DAN SALINAN** yang masih sah tempoh untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen :
 - i) **Sijil Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)**
 - ii) **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan**
 - iii) **Sijil Taraf Bumiputera**
 - iv) **Salinan Surat Perakuan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)**
- f) Taklimat adalah **diwajibkan** dan akan diadakan pada **07 November 2016 (Isnin)**, bertempat di **Lobi Menara Majlis Perbandaran Selayang pada jam 9.30 pagi**. Hanya penama di dalam lesen / pemilik syarikat sahaja yang dibenarkan hadir taklimat dan lawatan tapak serta kehadiran akan dicatatkan sebagai salah satu syarat kelayakan sebutharga.
- g) Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 6, Menara Majlis Perbandaran Selayang, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan** tidak lewat dari jam **12.00** tengahari pada tarikh tutup sebutharga.
- h) Untuk maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan di talian **03-6126 5838**.

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**